

Pasangan bisu kental besarkan empat anak

➔ Tidak jadikan kecacatan penghalang untuk hidup berdikari

Oleh Syaheerah Mustafa
bhkb@bh.com

Rantau Panjang

Pasangan suami isteri bisu tidak menjadikan kecacatan mereka sebagai penghalang untuk membesarkan empat anak, walaupun berdepan kekurangan kewangan.

Sayuti Abd Manaf, 46, yang mendirikan rumah tangga dengan Norhayati Mat Yaacob, 37, sejak 13 tahun lalu, gigih mencari rezeki dengan bekerja sendiri bagi menyara keluarga, manakala isterinya suri rumah sepenuh masa.

Sayuti yang menggunakan bahasa isyarat dan diterjemahkan oleh adiknya, Mohd Affandi Abd Manaf, 35, berkata beliau menyara anak dan isterinya dengan

mengambil upah membuat rumah.

Kesempitan wang

"Sekiranya tiada kerja untuk membuat rumah, saya terpaksa mencari ikan di sungai untuk dijual untuk dijadikan makanan untuk kami sekeluarga.

Kami tidak pernah menerima bantuan lain, selain bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM300 sebulan. Namun ada masanya kami masih mengalami masalah kesempitan wang dan terpaksa meminta bantuan daripada adik beradik.

"Tiga anak saya sudah bersekolah, jadi saya perlu berusaha lebih untuk memastikan mereka mendapat pendidikan yang sebaik-baiknya.

"Saya tidak mahu anak tercicir



(FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR/BH)

Sayuti dan Norhayati bersama anak tinggal di rumah yang usang di Kampung Gual To' Deh, Rantau Panjang.

Saya tidak mahu anak tercicir kerana ibu dan ayah mereka tidak mampu bercakap dan mendengar seperti orang lain"

Sayuti Abd Manaf, Bapa

kerana ibu dan ayah mereka tidak mampu bercakap dan mendengar seperti orang lain," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Gual To' Deh, di sini, semalam.

Anak dilahirkan normal

Hasil perkahwinan, mereka dikurniakan empat anak yang dilahirkan normal, Nurul Hanim Nabilah, 12, Nurul Ain Umairah, 10, Nurul Hanan Zafirah, 6, dan Muhammad Iman Aqasha, setahun.

"Alhamdulillah, anak seperti mengerti akan kekurangan kami walaupun mereka masih kecil. Saya hanya mampu membina rumah kecil ini di atas tanah orang tua saya untuk berteduh dan mendapatkan bekalan air telaga untuk kegunaan harian," katanya.



Sayuti mengisi masa lapang membaiki pukot sambil ditemani isteri dan anak.